



NOTIS RALAT

PEMBETULAN IKLAN

NOTIS KERJA UNDI ATAS TALIAN (ONLINE) FASA 2 TAHUN 2022 DAERAH KUALA MUDA

1. Kerja Undi adalah dipelawa kepada Kontraktor Bumiputera Gred G1 (Kerja dibawah Pejabat Daerah) atau Gred G1/G2/G3 untuk kerja-kerja elektrik dibawah JKR Negeri yang mempunyai Sijil Pendaftaran Perniagaan (SSM), Sijil Perakuan CIDB, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), serta memiliki Sijil Taraf Bumiputera (STB), Kod Bidang yang ditetapkan contoh seperti (CE21, B24, B04, E04, E11, E16, E17) seperti di Lampiran A serta mempunyai rekod kerja bersih daripada agensi-agensi Kerajaan. Bagi kerja-kerja elektrik pihak kontraktor berkaitan hendaklah mengemukakan Sijil Suruhanjaya Tenaga.
2. Bagi kontraktor-kontraktor yang telah berdaftar dan membuat bayaran melalui Sistem Pendaftaran Kontraktor / Pembekal / Firma Perunding secara atas talian (Aplikasi iDaftar) adalah LAYAK untuk memasuki kerja undi.
3. Anda diminta untuk log masuk ke dalam Aplikasi iDAFTAR dan pilih butang "KERJA UNDI" pada 10 April 2022 (Ahad) bermula jam 12.01 pagi hingga 12.00 malam (1 hari sahaja) untuk pendaftaran dan bayaran tambahan yang dikenakan sebanyak RM 10.00. Bayaran RM10.00 ini tidak akan dikembalikan sekiranya kontraktor TIDAK BERJAYA dalam proses Cabutan Kerja Undi. Sebarang urusan Pengecualian dan Kebenaran Khas dari CIDB adalah TIDAK DIBENARKAN. Pendaftaran AKAN DITOLAK serta merta sekiranya pendaftaran yang dibuat secara atas talian (online) adalah berganda (Melebihi 1 Pendaftaran).
4. Pemilik Syarikat yang dinamakan mestilah memastikan tempoh sahlaku semua sijil seperti di perenggan 1 adalah dalam tempoh sahlaku tidak kurang Sembilan Puluh (90) hari mulai 17 April 2022 sehingga 15 Julai 2022. Bagi Sijil Pendaftaran Perniagaan (SSM), kontraktor hendaklah memastikan SSM tersebut masih dalam tempoh sahlaku pada tarikh cabutan undi 17 April 2022 dan 18 April 2022. Sekiranya telah tamat tempoh pihak kontraktor hendaklah mengemaskini segera resit pembaharuan ke sistem iDAFTAR sebelum tamat tempoh pendaftaran kontraktor untuk kerja undi pada 10 April 2022.
5. Kontraktor perlu memuatnaik salinan sijil SSM, SPKK, PPK, STB, Resit Berdaftar dengan Kerajaan Negeri, dan Suruhanjaya Tenaga bagi yang berkaitan. Pihak kontraktor perlu mengemukakan bukti pembaharuan / kelulusan lesen-lesen tersebut. Sekiranya pihak syarikat telah membuat pembaharuan tersebut, pihak kontraktor hendaklah menyertakan resit pembayaran tersebut dan segera mengemaskinikan maklumat dalam Sistem iDAFTAR. Kontraktor yang memenuhi syarat ini sahaja akan dipelawa untuk menyertai kerja-kerja seperti di LAMPIRAN A.
6. Mana-mana kontraktor yang TIDAK BERDAFTAR dengan Aplikasi iDAFTAR dan TELAH BERJAYA DALAM CABUTAN UNDI FASA 1 TAHUN 2022 adalah TIDAK LAYAK menyertai kerja undi ini.
7. Tarikh dan masa Cabutan Undi bagi Daerah Kuala Muda adalah seperti ketetapan berikut:-

Tarikh : 17 April 2022 (Ahad)
Masa : 10.00 Pagi
Tempat : FB LIVE WARTA KEDAH
FB LIVE PKPKedah

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"KEDAH SEJAHTERA-NIKMAT UNTUK SEMUA"

Saya yang menjalankan amanah,


(ROZAMIE BIN ABDUL RAHIM, BCK.)
Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan)
Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Muda
Kedah Darul Aman

Tarikh : 07 APR 2022